



BULETIN IKIM

اینسٹیتوٹ کفہام اسلام ملیسیا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

MAJLIS PENAMAAN PERPUSTAKAAN IKIM KEPADA PERPUSTAKAAN TUN AHMAD SARJI, IKIM DAN PELANCARAN PENERBITAN PERIHAL KEISTIMEWAAN PERPUSTAKAAN TUN AHMAD SARJI, IKIM YANG DISEMPURNAKAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD PUZI HAJI ABDUL RAZAK, YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG



Majlis Penamaan Perpustakaan IKIM kepada Perpustakaan Tun Ahmad Sarji dan Pelancaran Penerbitan Perihal Keistimewaan Perpustakaan IKIM yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Puzi Haji Abdul Razak, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Hadir sama ialah Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM, Toh Puan Sagiyyah Salikin, isteri Allahyarham Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Mantan Pengurus IKIM pada 23 Februari 2023 di Dewan Besar IKIM. Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.

KUNJUNGAN HORMAT IKIM KEPADA YAB PRIMER SARAWAK



Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM bersama delegasi bergambar kenangan semasa sesi kunjungan hormat kepada YAB Premier Sarawak pada 27 Januari 2023 di pejabat YAB Premier Sarawak di Kuching, Sarawak.

Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM mengetuai delegasi IKIM mengadakan kunjungan hormat kepada Datuk Hj. Misnu Hj. Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS) di Pejabat MIS pada 27 Januari 2023.

Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM mengetuai kunjungan hormat ke atas Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg , YAB Premier Sarawak di Wisma Bapa Malaysia, hari ini.

Kunjungan hormat yang disertai Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM, dan Datuk Hj. Misnu Hj. Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak bagi berkongsi peranan dan fungsi IKIM dalam menyampaikan kefaamanan Islam sebenar kepada seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini.

Dalam pada itu, YAB Premier Sarawak berkongsi pandangan dan pengalaman pentadbiran yang mengambil pendekatan prinsip keharmonian dalam mengukuhkan perpaduan kaum yang berbilang bangsa dan agama di negeri Sarawak. Dalam pertemuan itu, Ketua Pengarah IKIM turut menyampaikan hasrat IKIM untuk menjalin kerjasama dengan Majlis Islam Sarawak dan kerajaan negeri bagi mengukuhkan syiar Islam kepada umat Islam di negeri itu.

Turut sama dalam kunjungan tersebut ialah Tn. Hj. Mahathir Shaharuddin, Pengurus Besar Radio dan Puan Hjh. Nik Hasnah Ismail, Ketua Perhubungan Korporat IKIM. Delegasi juga mengadakan kunjungan hormat kepada Majlis Islam Sarawak bagi mengadakan kerjasama dua hala antara agensi agama.

Pengurus Pembangunan Komuniti dan Kawalan Kredit IKIM, Encik Johari Bin Omar, telah ditemu bual dalam rancangan Assalamualaikum di TV Alhijrah pada 10 Januari 2023.

Pengarah Kanan / Fellow Utama, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, telah ditemu bual mengenai Bengkel Amalan Penyelidikan Beretika dalam rancangan Assalamualaikum di TV Alhijrah pada 17 Januari 2023.

Pustakawan / Ketua Unit Perpustakaan IKIM, Encik Mohd Zafri Abdul Karim telah ditemu bual berkenaan Koleksi Etika Ketenagahkan Penamaan Perpustakaan IKIM dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di RTM pada 26 Februari 2023.

Fellow Kanan, Pusat Kajian Ekonomi Dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM, Puan Hajah Siti Fatimah Binti Abdul Rahman telah ditemu bual dalam rancangan Assalamualaikum mengenai Pertandingan Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) di TV AlHijrah pada 28 Februari 2023.

Penerbit Kanan Rancangan TV IKIM, Puan Norhafizah Razak telah ditemu bual dalam rancangan Assalamualaikum mengenai Pertandingan Apresiasi Video Pendek Kefahaman Islam di TV AlHijrah pada 14 Mac 2023.

Penerbit Rancangan Radio IKIM, Tuan Haji Mohd Faiz Othman telah ditemu bual bagi mempromosi Drama Khas Ramadan IKIM Berjudul Menggamit Rindu Ramadan dalam rancangan Assalamualaikum di TV AlHijrah pada 27 Mac 2023.

Unit Inovasi dan Kualiti IKIM dengan kerjasama Jawatankuasa Amalan Hijau IKIM, telah mengadakan program Lawatan Kerja ke *Life Line Clothing* di Pelabuhan Klang, Selangor.

Seramai 80 orang pelajar daripada Lincoln University telah mengadakan lawatan sambil belajar ke IKIM bagi mengetahui fungsi dan aktiviti di IKIM pada 10 Januari 2023.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pesuruhjaya Tinggi Pakistan pada 10 Januari 2023 di pejabat Suruhanjaya Tinggi Pakistan, Kuala Lumpur.

KEPULANGAN KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM PROF. EMERITUS TAN SRI DR. MOHAMAD KAMAL HASSAN, PENGERUSI IKIM



Pada 23 Februari 2023, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan menghembuskan nafas terakhir pada usia 80 tahun ketika menerima rawatan di Hospital Selayang Kuala Lumpur. Allahyarham meninggal dunia pada jam 2.27 pagi, 23 Februari 2023 bersamaan 2 Syaaban 1444H akibat komplikasi selepas pembedahan.

Jenazah Allahyarham dibawa ke Surau Al-Mawaddah, Mutiara Bangi untuk dimandi dan dikafarkan pada jam 8.00 pagi sebelum solat jenazah pada jam 11.00 pagi.

Jenazah telah disemadikan di tanah perkuburan Islam Bandar Baru Bangi di Sungai Tangkas, Bangi. Prof. Emeritus Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan dilantik sebagai Pengerusi IKIM pada 24 Februari 2022.

Prof. Emeritus Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang memberikan sumbangan besar kepada dunia akademik, penyelidikan, pendidikan serta pembangunan modal insan. Dilahirkan pada tahun 1942 di Pasir Mas, Kelantan, mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti Malaya pada tahun 1965 dan kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah daripada Columbia University, New York pada tahun 1975.

Keilmuan serta ketokohan beliau diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa. Allahyarham pernah diamanahkan sebagai Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1999 sehingga 2006. Beliau turut berperanan sebagai Pengerusi, Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), yang ditubuhkan dengan perkenan Majlis Raja-raja. Allahyarham dilantik sebagai Pengerusi IKIM pada 24 Februari 2022. Kepulangan Allahyarham ke alam abadi disifatkan sebagai kehilangan sebutir permata dalam dunia akademik. Semoga Allah menempatkan roh Allahyarham bersama orang-orang soleh. Amin. Al Fatihah.



24 Februari 2022, YB Senator Datuk Haji Idris Ahmad, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyampaikan watikah pelantikan jawatan Pengerusi IKIM kepada Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan.



Almarhum Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan, Pengerusi IKIM menyampaikan cenderahati kepada DYMM Sultan Selangor disaksikan oleh YB Senator Datuk Haji Idris Ahmad, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sempena lawatan rasmi Baginda ke IKIM pada 10 Oktober 2022.




Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan, Pengerusi IKIM menyampaikan ucapan semasa program Syarahan Ulung bertajuk Korupsi dan Kemunafikan Dalam Politik Melayu: Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika yang berlangsung pada 15 Oktober 2023 di Menara Kuala Lumpur.

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 BERSAMA KETUA PENGARAH IKIM



Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh warga kerja IKIM yang diadakan pada 17 Januari 2023 di Dewan Besar, IKIM.

KUNJUNGAN HORMAT DENGAN DUTA - DUTA NEGARA



Kunjungan Hormat TYT Jose Luis Pardo, Duta Besar Sepanyol di Malaysia ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah disambut oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM pada 15 Februari 2023 di Bilik VIP, IKIM.

Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama TYT Emir Salim Yukan, Duta Turkiye di Malaysia pada 22 Februari 2023 di Menara Tan & Tan, Kuala Lumpur.

Kunjungan hormat Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ke Kedutaan Besar Republik Iran di Malaysia dan telah disambut oleh TYT Ali Asghar Mohammadi pada 3 Mac 2023.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA ANTARA AGENSI/JABATAN/KORPORAT



Kunjungan hormat delegasi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang diketuai oleh Dato' Ahmad Hairi Haji Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif (MUIP) dan telah disambut oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM pada 22 Mac 2023 di Bilik Gerakan IKIM. Turut serta Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM.

Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menerima kunjungan hormat delegasi Institut Integriti Malaysia (IIM) yang diketuai oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM pada 30 Januari 2023 di Bilik VIP, IKIM.

Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Muzium Kesenian Islam Malaysia yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM pada 31 Januari 2023 di Muzium Kesenian Islam Malaysia. Turut hadir Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM.

PELANCARAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI)



Majlis pelancaran Pertandingan Mereka cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI), untuk penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM pada 10 Februari 2023. Program ini mendapat penajaan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Pusat Pungutan zakat (PPZ)-MAIWP.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil telah mengadakan perbincangan bersama Datuk Jake Abdullah dan Encik Nazri Noran dari Media Prima pada 10 Februari 2023 di Konti Radio IKIM.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil telah menerima Mock Cheque Tabung Bantuan Mangsa Banjir IKIM daripada Muslim Care Malaysia pada Februari 2023 di Pejabat Ketua Pengarah IKIM.

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail telah mengetuai rombongan IKIM ke program Bengkel Projek Buku Infografik Pengurusan Harta Keluarga Islam IKIM pada 14 Februari 2023 di Shah Alam, Selangor.

Kunjungan hormat Jabatan Audit Negara dan Office of The Comptroller and Auditor General of Bangladesh (OCAG) ke IKIM pada 15 Mac 2023.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Fellow KIAS, Dr. Muhammad Husni Mohd Amin menghadiri Majlis Perasmian Pameran Uzbekistan di Muzium Kesenian Islam Malaysia (IAMM) pada 1 Mac 2023.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil menyampaikan ucapan sempena program *The Building Bridges Series Focus Group Discussion 2 : Upholding Human Dignity for Peaceful Coexistence in Malaysia : Principles and Pre-requisites* pada 1 Mac 2023 di Dewan Besar IKIM.

Kunjungan hormat IKIM kepada Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin. Delegasi IKIM diketuai oleh Prof Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan disertai oleh para Penyelidik Kajian Piagam Harmoni Malaysia daripada IKIM iaitu Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Dr. Mohd Sani Badron, Puan Enizahura Abdul Aziz dan En. Mohammad Amiruddin Kamarulzaidi.

Slot Warna Pagi Radio IKIM bersama Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd. Zaidi Ismail pada 22 Februari 2023.

BENGKEL ISLAM DAN AMALAN PENYELIDIKAN BERETIKA



Bengkel "Islam & Amalan Penyelidikan Beretika" bersama Panel Pakar Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Unit Pengurusan dan Penyelidikan IKIM pada 14-15 Februari 2023 di Dewan Besar IKIM.

MESYUARAT BERSAMA PIHAK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH



Pengurusan kanan IKIM telah mengadakan lawatan kerja dan perbincangan bersama pihak Setiausaha Kerajaan Negeri mengenai cadangan penubuhan IKIM cabangan Sabah di pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-tugas Khas), Jabatan Ketua Menteri Sabah pada 7 Mac 2023.

PROJEK AMALAN HIJAU IKIM



Pada 5 Januari 2023, UNIK dengan kerjasama Jawatankuasa Amalan Hijau IKIM telah mengadakan Program Lawatan Kerja ke Life Line Clothing di Pelabuhan Klang, Selangor.

Dalam lawatan tersebut, IKIM telah menyampaikan empat kotak pakaian terpakai hasil daripada sumbangan warga kerja IKIM yang telah menyertai kempen pengumpulan pakaian terpakai yang bermula dari 1 hingga 31 Disember 2022.

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN



Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, yang kini menjawat jawatan Pengarah Unit Pengurusan dan Penyelidikan IKIM telah dilantik sebagai Profesor Adjung Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bermula pada 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

Maglis penyampaian sijil penghargaan media Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan Haji Wahid, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Tn. Hj. Mohd Faiz Othman, Penerbit Rancangan Radio IKIM pada 19 Januari 2023 di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Lebuh Wawasan, Presint 7, Putrajaya.

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM